



Submission date: 06/05/2020

Accepted date: 07/8/2020

KESEIMBANGAN PELAPORAN BERITA KESIHATAN DAN AMALAN KOD ETIKA PROFESIONAL KEWARTAWANAN DI MALAYSIA

Balanced Health News Reporting and Practice of Journalism Profesional Code of Ethics in Malaysia

Rohana Amdan ^{*a}, Md Azalanshah Md Syed^{*b} & Fadli Abdullah^{*c}

^{*}Universiti Malaya

^arohanaamdan@gmail.com

^bazalan@um.edu.my

^cfadliabdullah@um.edu.my

Abstrak

Maklumat kesihatan yang tidak lengkap serta fakta yang mengelirukan dan sukar difahami mampu mewujudkan risiko kepada orang ramai. Bertanggungjawab, adil dan melaporkan kebenaran adalah prinsip utama seorang wartawan dan juga merupakan tuntutan syariah. Justeru, kajian kualitatif ini menumpukan kepada amalan kod etika profesional kewartawanan di Malaysia dalam pelaporan berita kesihatan. Dapatan kajian memperlihatkan satu konsep pemberitaan baharu dalam kalangan wartawan berita kesihatan, iaitu kewartawanan berorientasikan sivik. Konsep tersebut dilihat berupaya untuk menghasilkan sebuah pemberitaan kesihatan yang seimbang. Justeru, kajian ini berhujah bahawa amalan kewartawanan berorientasikan sivik perlu diperkukuhkan dalam perancangan membangunkan literasi kesihatan dalam masyarakat di negara ini.

Kata Kunci: Kualitatif, pelaporan berita kesihatan, kod etika profesional kewartawanan, kewartawanan berorientasikan sivik.

Abstract

Incomplete health information, misleading and incomprehensible facts can create a risk to the public. Being responsible, fair and reporting the truth is a fundamental principle of a journalist and is also a Shariah claim. As such, this qualitative study focuses on the practice of Malaysian journalistic professional ethics in health news reporting. The findings reveal a new concept of news reporting among health news journalists, namely civic-oriented journalism. The concept is capable to producing a

balanced health story. Therefore, this study urges that civic-oriented journalism practices need to be strengthened in the planning of developing health literacy in the community.

Keywords: Qualitative, Health news reporting, Professional journalistic code of ethics, Civic-oriented journalism, Malaysia.

PENGENALAN

Kejayaan sesebuah kerajaan dalam mengubah landskap kualiti kesihatan rakyat banyak bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh media massa sebagai agen sosialisasi masyarakat yang sangat berkesan (Chuen, Michael, & Teck, 2016). Ini kerana akhbar, televisyen dan majalah sangat berperanan besar dalam membina literasi kesihatan masyarakat dan sifatnya juga dilihat amat peribadi iaitu sama seperti peranan yang dimainkan oleh ahli keluarga, rakan sebaya dan guru. Sebagai contoh, Chuen et al., (2016), yang mengkaji tahap kesedaran kesihatan yang berkaitan dengan obesiti mendapati akhbar masih lagi berperanan dalam menyampaikan maklumat penting yang berkaitan dengan kesihatan. Malahan, individu yang membaca akhbar lebih mengambil peduli kesedaran terhadap bahaya obesiti. Dalam hal ini media dan komunikasi merupakan satu intervensi yang paling berkesan dalam menyampaikan maklumat kesihatan, mendidik, memupuk dan memberikan kesedaran kepada masyarakat, dan bertindak sebagai agen perubahan kepada dasar dan polisi kesihatan serta berupaya mengubah minda, persepsi, sikap serta tingkah laku masyarakat terhadap isu-isu kesihatan (Jamri, Ismail, Ahmad, & Singh, 2017). Dengan kata lain, wartawan berita kesihatan berperanan untuk meningkatkan literasi kesihatan dan kualiti hidup masyarakat (Oransky, 2020).

Sehubungan itu, peranan wartawan bukan hanya menyampaikan berita tetapi berperanan memupuk persekitaran awam yang lebih aktif bersama masyarakat dengan mencetuskan pendidikan awam, perdebatan dan perbincangan berkaitan kesihatan. Wartawan memaparkan berita yang bersumberkan kisah rakyat atau perspektif komuniti seperti memaklumkan perbualan orang ramai mengenai isu kesihatan dalam konteks yang bersesuaian. Pendekatan ini dikenali sebagai kewartawanan berorientasikan sivik yang merupakan suatu konsep iaitu pelaporan berita mengambil kira kepentingan dan pandangan khalayak massa. Konsep ini turut melibatkan penyertaan komuniti dalam penghasilan berita (Hodgetts, Chamberlain, Scammell, Karapu, & Waimarie Nikora, 2008; Holland, 2018; Tully, Harmsen, Singer, & Ekdale, 2017). Secara keseluruhannya, terdapat hubungan positif secara timbal-balik antara wartawan, kerajaan, masyarakat dan komuniti kesihatan yang mana kesemuanya terlibat dalam proses pembinaan berita kesihatan. Selain dari ciri-cirinya yang berorientasikan masyarakat dan komuniti, kewartawanan berorientasikan sivik juga menumpukan kepada gaya pelaporan yang menggabungkan penceritaan naratif dan

laporan berita berbentuk penyiasatan (Hellmueller, Mellado, Blumell, & Huemmer, 2016). Skop pelaporan berita kesihatan berorientasikan sivik adalah lebih luas dengan melihat sesuatu isu dari semua sisi. Justeru kewartawanan berorientasikan sivik berupaya memberikan sebuah pelaporan berita kesihatan yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan bias.

Namun, penelitian terhadap kajian-kajian lepas memperlihatkan beberapa isu penting dalam proses pelaporan berita kesihatan dalam media massa tempatan. Antaranya ialah kesalahan fakta, terlalu banyak elemen sensasi dan pelaporan yang mengelirukan masyarakat. Menurut Chang (2015), faktor-faktor penyebab kesilapan dan ketidaktepatan fakta dalam proses membangunkan berita penyelidikan kesihatan adalah proses terjemahan dan ketidakfahaman wartawan terhadap siaran media dan seminar-seminar penyelidikan yang dianjurkan. Ini termasuklah elemen ketidaktepatan berita terdiri daripada kesilapan (error), pengabaian fakta (omission) dan salah tafsir (misinterpretation). Selain itu, Carpenter et al. (2016) mengenal pasti 15 jenis sumber maklumat berkaitan informasi kesihatan yang bercanggah dan dalam hal ini media dan internet adalah sumber utama. Dapatan ini juga dipersetujui dalam kalangan sarjana yang lain antaranya Catalan-Matamoros and Peñafiel-Saiz (2019), yang berpendapat liputan media tradisional dan media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook* telah memudahkan pencarian maklumat mengenai imunisasi, namun salah faham terhadap maklumat tersebut amat membimbangkan. Sebagai contoh, pelaporan berita berkaitan vaksinasi penyebab autisme dalam kalangan kanak-kanak, telah mewujudkan kontroversi di merata dunia sehingga menyebabkan penolakan ke atas program imunisasi dan mempercayai bahawa semua vaksin adalah berisiko (Chirico, 2017; Jang, Mckeever, Mckeever, & Kim, 2019; Mann, 2018). Di Malaysia, laporan berita seumpama itu turut melibatkan isu kesalahan fakta. Contohnya, terdapat dakwaan bahawa *Microcephaly* iaitu sindrom kepala atau otak kecil yang melanda Brazil kerana jangkitan virus *Zika* yang dibawa oleh sejenis nyamuk. Namun, maklumat yang tersebar dalam media sosial menyatakan sindrom ini berlaku kerana imunisasi *Tetanus*, *Diphtheria* dan *Pertussis* (TDAP) dalam media sosial. Maka dengan itu telah timbul suatu gesaan agar wanita hamil tidak mengambil pelalian atau imunisasi berkaitan meskipun dakwaan tersebut disangkal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Ketua Pengarah Kesihatan, 2016). Pada masa yang sama, terdapat juga laporan berita yang boleh mewujudkan kekeliruan umum. Antaranya termasuklah penularan isu penolakan vaksin dalam kalangan ibu bapa yang telah menimbulkan kekhuatiran dan kekeliruan umum mengenai penggunaan dan faedahnya (Sinar Harian, 2016).

Berdasarkan perbincangan di atas, artikel ini meninjau sejauh manakah wartawan berita kesihatan di Malaysia menitikberatkan amalan kod etika profesional

kewartawanan dalam pelaporan berita kesihatan yang seimbang, saksama dan menepati prinsip kewartawanan berorientasikan sivik. Artikel ini berhujah bahawa amalan menjadi pemberita yang terawal menyiarkan sesuatu berita atau maklumat yang disensasikan tidak seharusnya menjadi amalan seseorang wartawan yang beretika. Malahan, sebagai pengamal media yang profesional, wartawan perlu bertanggungjawab, adil dan melaporkan yang benar. Hal ini merupakan tuntutan syariah sepertimana termaktub di dalam Surah Al-Nahl (16:90) yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi Nya”.

Perkara ni diperkukuhkan lagi oleh sarjana seperti Muchtar et al. (2017) dalam kajiannya terhadap peranan wartawan di dua belas negara majoriti Islam bahawa prinsip kewartawanan adalah (1) menyampaikan kebenaran (haqq); (2) penyampaian dan komunikasi (tabligh); (3) pelaporan berdasarkan kepentingan umum (maslahah); dan (4) kesederhanaan (wassatiyah). Selain itu, penulisan bercorak sensasi untuk mendapatkan pengiktirafan segera bukanlah suatu aspirasi kebanyakan wartawan berita kesihatan (Kininmonth, Jamil, Almatrouk, & Evans, 2017). Keutamaan adalah kualiti dan nilai berita yang bermanfaat kepada pembaca yang seterusnya dapat meningkatkan penjualan akhbar dan mengukuhkan jenama portal berita tertentu.

AMALAN KOD ETIKA PROFESIONAL KEWARTAWANAN, PELAPORAN BERITA KESIHATAN DAN KEWARTAWANAN BERORIENTASIKAN SIVIK

Kod etika seringkali dikaitkan dengan profesionalisme kewartawanan dan merupakan asas kewartawanan yang merangkumi peraturan, nilai dan amalan yang menjadi pegangan setiap wartawan. Menurut Faridah (2003), wartawan yang profesional adalah mereka yang berkhidmat secara jujur, tidak mementingkan diri sendiri, sentiasa berpandukan kepada kod etika dan bukan atas dasar kepentingan material dan ekonomi. Menurutnya lagi, profesionalisme dan etika adalah berlandaskan moral iaitu suatu sifat yang boleh menilai antara yang baik dan yang tidak baik. Perkara ini turut diperkukuhkan dari sudut kewartawanan Islam, wartawan dituntut agar sentiasa menyeru kepada kebaikan, bersifat Siddiq (benar), amanah, tabligh (menyampaikan), fatanah (kebijaksanaan), melaksanakan ammar ma’aruf nahi mungkar (menghindari diri daripada perkara yang mungkar, dan menjadi muraqqib serta muhasabah iaitu sebagai pemerhati (watchdog) kepada kerajaan (Lee, Othman, & Nayan, 2020).

Kod Perilaku Profesional Anggota Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM) dan Etika Kewartawanan Malaysia pada dasarnya sama sebagai sebuah kod etika kewartawanan dan terpakai untuk semua wartawan di Malaysia (Lee et al., 2020). Kod etika tersebut dibangunkan secara holistik dengan mengambil kira semua pihak yang terlibat dan berasaskan prinsip Rukunegara (Hasim & Merican, 2018). Berikut adalah Etika Kewartawanan Malaysia, iaitu: -

1. Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang benar;
2. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini wartawan menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita;
3. Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar/filem dan dokumen;
4. Sebarang maklumat tersiar yang didapati tidak benar dan tidak tepat hendaklah diperbetulkan;
5. Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita;
6. Wartawan hendaklah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri daripada plagiarisme, fitnah dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun;
7. Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia; dan
8. Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion mereka (Institut Akhbar Malaysia, 2011).

Berdasarkan kajian Faridah et al., (2000), walaupun kod etika kewartawanan sudah lama diperkenalkan namun aspek penguatkuasaannya masih longgar. Sebagai contoh, Etika Kewartawanan Malaysia telah menggariskan bahawa wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar, filem dan dokumen, namun masih terdapat pelaporan berita yang tidak mematuhi Peraturan No.3 etika tersebut. Laporan berita mengenai kes kanak-kanak 10 bulan yang dirawat di Hospital Kuala Lumpur akibat tertelan pin tudung ibunya telah dilaporkan dengan meluas menerusi media sosial dan media massa. Namun foto kanak-kanak di wad ICU yang disiarkan adalah palsu kerana gambar tersebut bukan merujuk kepada pesakit (Metro, 2017). Menjadi satu kesalahan etika sekiranya maklumat mengenai pesakit dikongsi walaupun dalam forum tertutup tanpa keizinan dan ini selaras dengan Kod Etika No.5 Etika Kewartawanan Malaysia. Menghormati maklumat sulit pesakit dan menjaga kerahsiaan sumber berita merupakan salah satu tuntutan agama Islam. Malahan Islam melarang umatnya daripada membuka aib orang lain dan menyebarkan

keburukan orang lain kepada umum sepertimana dijelaskan dalam Surah Al-Ahzaab (33:70-71) dengan maksudnya: -

“Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat – benar (dalam segala perkara), supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan”.

Selaras dengan ayat tersebut, amalan yang sama turut dipraktikkan dalam perkara 22.2 Kod Amalan Profesional Majlis Perubatan Malaysia: “Seseorang pengamal perubatan tidak boleh secara tidak wajar mendedahkan maklumat yang diperolehnya daripada seseorang pesakit atau, mengenai seseorang pesakit”. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab wartawan untuk memahami undang-undang dan peraturan negara yang terlibat selaras dengan Perkara No.8 Etika Kewartawanan Malaysia.

Berdasarkan perbincangan di atas, penekanan terhadap amalan kod etika profesional kewartawanan adalah penting diterapkan dalam kalangan wartawan berita kesihatan dalam menghadapi perubahan corak pemberitaan semasa. Di Malaysia, pemberitaan kesihatan pada peringkat awal lebih tertumpu kepada program pendidikan sebagai usaha untuk menjangkau golongan miskin di pedalaman yang jauh dari kemudahan kesihatan. Corak pemberitaan kesihatan lebih berfokus kepada pembangunan negara dan masyarakat. Dari perspektif kewartawanan pula, kewartawanan pembangunan dilihat menjadi landasan pemberitaan yang mana setiap pelaporan berita akan dilengkapi dengan aspirasi kerajaan ke aras pembinaan negara bangsa (Ismail, 2013). Namun, corak pemberitaan kesihatan dilihat mengalami perubahan, antaranya adalah corak penulisan. Corak penulisan konvensional yang menggunakan konsep deskriptif dengan penekanan kepada 5W1H berubah kepada corak penulisan interpretif, melibatkan aspek ‘menganalisis’, ‘menerangkan’, dan ‘menilai’. Wartawan menerangkan apa yang telah berlaku dan menjelaskan mengapa berlakunya peristiwa itu (Saad, Mustafa, Ahmad, & Hassan, 2016). Selain itu, perubahan tersebut turut dipengaruhi oleh perkembangan liberalisasi dan demokrasi penyertaan yang dibawa oleh kelangsungan teknologi dan internet. Pemberitaan di Malaysia kini bergerak ke arah model yang lebih liberal, iaitu pelaporan yang lebih bebas tetapi masih lagi berpaksikan perlembagaan, undang-undang dan kod etika dalam setiap tingkah laku dan penulisan mereka. Sebagai contoh, isu-isu kesihatan yang lebih serius, sulit dan sensitif sudah mula diperdebatkan dalam pelaporan berita kesihatan. Antaranya termasuklah isu *HIV-AIDS* (Sern & Zanuddin, 2012); isu kesihatan mental (Razali, Sanip, & Sa'ad, 2018); penyakit-penyakit berjangkit seperti *H1N1*, *SARS*, *Denggi*, dan

Zika (Faridah Ibrahim, Mustaffa, & Chang, 2010; Sannusi & Siarap, 2014; Sedu & Diah, 2018; Sualman & Aziz, 2012); dan isu status halal vaksin (Hamid, 2019). Pelaporan berita juga dilihat mempunyai dua atau lebih sudut pandangan dengan menyalurkan idea, pemikiran dan kritikan dengan lebih terbuka. Hubungan timbal-balik yang lebih interaktif antara wartawan dan khalayak massa dapat dilihat menerusi ruangan pendapat atau pertanyaan pembaca berhubung kesihatan yang mana pembaca boleh menulis soalan atau permasalahan untuk dijawab oleh pakar perubatan (Ali, 1989).

Perubahan ini merupakan suatu pendekatan ke arah kewartawanan berorientasikan sivik. Kewartawanan berorientasikan sivik bermula pada era 1990-an dan menumpu kepada pemberitaan bercorak politik dengan penglibatan khalayak massa dalam proses penerbitan (Voakes, 1999). Kewartawanan berorientasikan sivik melibatkan penyertaan komuniti dalam penghasilan berita. Selain itu, kewartawanan ini tertumpu kepada wacana awam yang memaparkan kisah berita yang datang dari sumber awam dan perspektif komuniti. Konsep pemberitaan kewartawanan berorientasikan sivik turut mengutamakan nilai, masalah, isu dan aspirasi masyarakat dalam konteks sumber berita (Kurpius, 2002). Dalam pada itu, Hodgetts et al. (2008) melihat konsep ini semakin berkembang luas kepada bidang-bidang lain termasuklah kesihatan. Ini kerana pelaporan berita kesihatan dipengaruhi oleh budaya, norma profesional, proses editorial, kepentingan awam, dan persepsi khalayak. Malahan, pemilihan dan penetapan berita bukan lagi atas agenda pemegang taruh semata-mata tetapi terarah kepada peningkatan berita dari agenda khalayak massa. Sehubungan itu, konsep pemberitaan sedemikian dilihat amat bersesuaian dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini kerana model kewartawanan yang ideal untuk konteks Malaysia haruslah mengambil kira konsep pluralisme dengan mengimbangi ruang media dan sensitiviti masyarakat pluralistik Malaysia (Lee et al., 2020).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian rintis yang bertujuan sebagai tinjauan awal sebelum pelaksanaan kajian sebenar. Pengalaman yang diperoleh menerusi kajian rintis boleh membantu pengkaji melaksanakan kajian sebenar dengan lebih tersusun dan lancar. Untuk memahami perspektif kajian dengan lebih mendalam, teknik temu bual mendalam secara bersemuka telah dijalankan. Teknik ini amat sesuai bagi keadaan yang menuntut pengkaji mencungkil maklumat daripada responden dengan lebih mendalam agar dapat mencungkil pemahaman yang lebih mendalam mengenai kes tertentu (Tajuddin & Ali, 2020). Persampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan informan yang terdiri daripada pengamal media tempatan yang menulis berita kesihatan. Mereka merupakan wartawan dari meja berita am (News Desk/General Desk) dan juga wartawan meja rencana sama ada dari meja kesihatan (Health Desk)

atau meja lain yang mempunyai pengkhususan isu kesihatan seperti ruangan “Life & Times” bagi akhbar News Straits Times, ruangan “Kesihatan Wanita” akhbar Harian Metro, dan ruangan sisipan “Sihat dan Aktif” bagi akhbar Sinar Harian.

Keseluruhan informan terdiri daripada 6 orang wartawan, 3 daripada Meja Berita dan 3 wartawan daripada Meja Rencana. Saiz sampel ditentukan oleh ketepuan data iaitu apabila tiada lagi maklumat baru diperolehi dari data yang dikumpul dan tiada tema baru yang boleh dibentuk (You, Abd Rahim, Talib, Hamzaid, & Manaf, 2019). Untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dengan topik kajian, teknik bola salji (snow ball) telah digunakan (Zakaria & Tauhaid, 2018). Proses temu bual dijalankan dan direkodkan secara audio dan disalin semula secara verbatim dalam bentuk transkrip untuk proses analisis data secara kualitatif bertema.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, ciri-ciri profesional dan etika kewartawanan memang wujud dalam kalangan wartawan berita kesihatan di Malaysia. Hal ini dapat dilihat menerusi istilah norma profesional yang lahir hasil daripada temu bual mendalam yang telah dijalankan (Emerich, Cavaca, Santos-Neto, Gentilli, & Oliveira, 2017). Kesedaran wartawan terhadap kepentingan praktik kod amalan profesional kewartawanan semasa dilihat semakin tinggi berbanding dapatan kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini (Hoo, Yeing, & Chai, 2010a). Sebagai contoh, mereka sedar mengenai kewujudan Etika Kewartawanan Malaysia meskipun tidak menghafal kesemua kod etika tersebut.

Tidak...tak hafal etika kewartawanan, tapi etika kewartawanan yang dah hafal adalah dari segi etika kemanusiaan saya sendiri (sambil ketawa)

Informan 2

Hahaha (ketawa), ada lapan! Tapi saya selalu *stand by* etika diri sendiri,.....

Informan 4

....kebebasan untuk menulis tu sebenarnya dalam konteks kita sebagai manusia pun, sebagai orang Islam pun kita tidak ada apa-apa yang betul-betul bebas, kita sentiasa terikat dengan peraturan, kan? Benda tu yang akan membentuk kita sebenarnya.

Informan 6

Prinsip hidup, sifat taat, patuh pada peraturan dan suruhan agama merupakan ciri-ciri etika yang secara umumnya bermaksud moral (Rofie, Zan, Hamzah, Ngah, & Ahmad,

2016). Informan 6 menguatkan lagi hujah bahawa agama membentuk keperibadian seseorang. Al-Quran dan As-Sunnah adalah sumber rujukan utama setiap manusia. Kedua-dua sumber tersebut mengandungi etika dan isu-isu berkaitan dengan kelakuan manusia ke arah kebaikan (Steele, 2019). Sementara model etika yang dianjurkan oleh Islam adalah Nabi Muhammad SAW (Hamada, 2016).

Melihat dari perspektif Islam, tugas wartawan adalah dakwah (Rofie et al., 2016). Informan 3 dan Informan 6 menekankan bahawa pelaporan berita kesihatan adalah merupakan satu tanggungjawab sosial dan tanggungjawab sebagai seorang Islam untuk membantu menyampaikan dan menyebarkan maklumat berkaitan kesihatan kepada masyarakat. Justeru, sifat jujur amat penting dalam melaporkan berita kesihatan. Menerusi temu bual yang dijalankan didapati mereka jujur dalam mendapatkan maklumat berita. Tiada elemen sogokan atau “freebies” terlibat dalam proses pelaporan berita kesihatan. Mereka tidak pernah menerima sebarang bentuk rasuah daripada mana-mana komuniti kesihatan seperti hospital, syarikat-syarikat ubat dan syarikat peralatan perubatan sebagai balasan berita mereka disiarkan. Hal ini kerana komuniti tersebut juga mempunyai peraturan dan etika:

Tak pernah. Tapi kalau pergi *assignment* dapat pen tu adalah. Masa *register* tu dapatlah pen, dapat *notebook*. Tapi kalau dia hantar hadiah tu tak pernah. *Drug company*...tak pernah. Panadol pun I tak pernah dapat. I lebih banyak *one-to-one*....*one-to-one* ni dia nak bagi apa? I banyak *interview* doktor paling tidak bagi parking hahaha (ketawa). Kalau pergi *assignment* pun biasanya pen, kalau paling-paling pun *pen drive*. Kesihatan ni tak ada *purse*....

Informan 2

Duit tak adalah pulak. Tak adalah yang *under table* tak adalah. Kalau macam yang bagi *try* contoh, lasik mata, dia bagi *try* yang bagi *check free* tu adalah.

Informan 3

Kesemua informan bersependapat bahawa wartawan berita kesihatan tidak terlibat dengan perkara tersebut, sebaliknya pemberitaan berbentuk penyiasatan (investigating reporting) atau laporan khas (special report) dan juga pelaporan berita politik terdedah dengan perkara tersebut. Hal ini kerana kepentingan sosial mengatasi kepentingan diri berdasarkan konsep kewartawanan berorientasikan sivik (Hellmueller et al., 2016).

Melaporkan yang benar merupakan Kod Pertama Etika Kewartawanan Malaysia. Melaporkan kebenaran adalah ciri sifat jujur. Menurut Informan 1, melaporkan yang benar merupakan asas dan prinsip seorang wartawan. Melaporkan kebenaran juga adalah polisi kebanyakan agensi media. Menurut Informan 5, melaporkan yang benar amat penting dalam konteks berita kesihatan supaya tidak timbul masalah dalam kalangan masyarakat seperti panik terhadap penularan sesuatu wabak penyakit:

Contoh *HINI*, ahh....contoh *recently*, campak monyet kan...yang orang *Singapore* kata dah masuk kat kita...kita pun panik, so alamak ini ke penyakit baru yang kita akan perlu *handle especially* bila *you travel, make in contact* dengan publik. Macam mana kita nak tulis, kita terpaksa *tell the truth*. Kenyataan tu yang bagi saya inilah juga yang menjadikan sesuatu tidak terlalu panik.

Informan 5

Islam melarang umatnya menyampaikan maklumat yang tidak benar atau tidak sahih dan memperingatkan agar tidak sekali-kali menerima sesuatu maklumat itu tanpa menyelidiki akan kesahihannya. Menurut Rofie et al. (2016), adalah elok berita dan maklumat ditapis dan disaring terlebih dahulu bagi memastikan keabsahan sumber agar tidak silap. Allah berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6, yang bermaksud: -

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga membuatkan kamu menyesali apa yang kamu lakukan”.

Selain itu, aspek sumber berita juga perlu diberi penekanan dalam pelaporan berita kesihatan. Amend and Secko (2012), yang meneliti pengalaman wartawan berita sains dan kesihatan mendapati sumber berita merupakan perkara yang paling penting dalam pelaporan berita sains dan kesihatan. Keutamaan bagi mereka adalah mendapatkan sumber berita yang sahih dan mempunyai kredibiliti atau kepakaran (expert source). Terdapat juga pandangan pengkaji lain bahawa sumber yang paling sahih adalah pegawai kerajaan dan profesional kesihatan (Emerich et al., 2017). Mereka juga melihat aspek sumber berita dari segi siapa dan apa yang digunakan sebagai sumber berita; bagaimana mereka mencari, memilih dan membentuk satu hubungan dan jalinan kerjasama dan bagaimana mereka mengintegrasikan maklumat yang diperolehi dari sumber ke dalam berita. Kesemua aspek tersebut merupakan satu proses pengesahan yang dipanggil sebagai ‘Isnad’ sepertimana yang dianjurkan oleh Islam

(Steele, 2019). Sebagai contoh, Informan 5 tidak hanya bergantung kepada satu sumber sahaja:

.....sumber untuk saya *interview* ni bukan satu sumber sahaja, dua, tiga sumber, biasanya saya akan dapatkan, contoh saya nak cari isu kanser tu saya nak tahu *percent-percent* kanser dekat Malaysia ni, apa jenis kanser yang jadi pembunuh utama dan sebagainya, so biasanya saya akan dapatkan daripada Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Hisham. Biasanya terus kepada dialah, kadang-kadang tak terus pada dia dulu, dia akan suruh emel satu surat kepada pembantu dialah, Faizul...Dr Faizul, saya akan buat surat dan sebagainya, dan saya tidak akan dapat jawapan dalam masa terdekat, so saya kena tunggulah. Saya akan bagi soalan-soalan dekat dia dan pada jawapan-jawapan tu saya dah boleh *create* dah. Tapi untuk menyokong jawapan-jawapan daripada sumber pertama ni tadi saya perlukan sumber kedua. Sumber kedua ni mungkin daripada...kalau pasal kanser mungkin daripada mangsa itu sendiri, macam mana di *survive* dan sebagainya. Mungkin sumber ketiga. Sumber ketiga dari doktor-doktor pakar swasta.

Informan 5

Dapat dilihat di sini keutamaan sumber berita adalah sumber rasmi sama ada dari pihak kerajaan iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia; pihak yang mempunyai kredibiliti seperti World Health Organization (WHO); dan pihak yang berkepakaran iaitu doktor perubatan. Selain itu, sumber daripada komuniti, dalam konteks ini adalah pesakit, dan sumber dari persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kanser Malaysia. Selain itu, Informan 2 turut memberi penekanan terhadap kajian penyelidikan daripada institusi yang mempunyai kredibiliti seperti Harvard, Cambridge dan Oxford diambil sebagai sumber berita. Informan 5 menyetujui hasil kajian pihak NGO tempatan untuk menyokong fakta berhubung sesuatu isu selain daripada fakta daripada sumber rasmi. Sementara itu, kesemua informan tidak menolak sumber mitos atau petua orang tua mengenai kesihatan yang telah dibuktikan oleh sains atau kesihatan akan kebenarannya. Ini memberi gambaran bahawa menerusi konsep kewartawanan berorientasikan sivik, individu dalam masyarakat berkomunikasi tentang kesihatan (Hodgetts et al., 2008).

Berkait dengan sumber berita, aspek menjaga dan menghormati kerahsiaan sumber tersebut perlu diberi perhatian. Kod Kelima Etika Kewartawanan Malaysia menekankan aspek menghormati kerahsiaan sumber berita selain daripada wartawan perlu menggunakan cara yang wajar dan bijaksana untuk mendapatkan sumber berita

seperti mana dalam Kod Ketiga etika tersebut. Perkara ini juga amat ditekankan oleh kesemua informan yang ditemu bual. Menurut mereka, terdapat beberapa garis panduan dalam pelaporan berita kesihatan yang telah dikeluarkan oleh organisasi kesihatan yang perlu mereka patuhi. Selain itu, mereka amat faham bahawa maklumat pesakit adalah rahsia. Menjadi amalan mereka untuk melindungi pesakit yang menjadi sumber berita dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti merahsiakan nama, tidak menayangkan muka pesakit dalam gambar, muka pesakit dikaburkan dengan kaedah ‘mozek’ atau meletak gambar lain sebagai ‘gambar hiasan’. Kebenaran dan persetujuan pesakit untuk ditemu bual atau terlibat dalam berita amat ditekankan. Mendokumentasikan persetujuan atau kebenaran pesakit juga dilakukan sebagai langkah melindungi karier kewartawanan mereka:

Saya pernah kerja dengan *AIDS Foundation*, kita pernah ada *assignment*, dorang siap bagi *handout* tau, penggunaan perkataan-perkataan yang sesuai dan *appropriate*...sebab kan banyak perkataan-perkataan yang ditukar supaya tidak ada *perception* yang negatif terhadap penghidap pesakit. Tulah bagi saya...tak tau, tak ingat saya mana simpan *handout-handout* tu. Ada dorang bagi *guideline*, pernah dapat *handout-handout* tu. Kat situlah PR main peranan, dia kata ok gambar dari belakang, dari tepi, mozekkan muka, nama pun tidak boleh nama sebenar, sensitiviti keluarga, sensitiviti dia, kita bukan nak malukan orang macam ni, sebab *normally* perlu ada *second chance* untuk orang-orang macam ni,.....

Informan 4

Lepas tu satu lagi, yang kita orang ni pun kadang-kadang tulah...sepatutnya kita orang *crop* juga nama ni...salah jugaklah. Sepatutnya memang tak boleh, satu lagi kita walaupun Kementerian Kesihatan keluarkan *guideline* pasal gambar *baby*, kemudian gambar kanak-kanak bawah 3 tahun macam tu kan, tapi tak semua orang *aware*.

Informan 6

You kena *make sure* benda yang *you* tulis tu mendapat *consent* orang-orang yang *you* dah *interview*. Pesakit, doktor atau pakar yang terlibat tu mesti memberi *consent* benda-benda yang *you* nak tulis tu.

Informan 1

Dan semua tu mesti *on record*. Kita dapat *consent* daripada dia. Tiba-tiba dah *publish*, dia kata eh *I* tak bagi *consent*, *haaa...ada* rekod *you* kata boleh. Di NST kita tak ada borang *consent*, tapi kita

macam *mutual understanding*. *That is why* kita orang punya *style*, *whatever interview*, *story* ke...buku, kita akan simpan 5 hingga 6 tahun, kalau *just* tiba-tiba selepas $\frac{3}{4}$ tahun *story* tu keluar ada isu...eh...*personally I will do it*.

Informan 2

Melihat kepada maklum balas mereka jelaslah bahawa mereka mempunyai prinsip, nilai dan pegangan agama yang kuat sehingga boleh memandu mereka bergerak menjalani tugas sebagai seorang wartawan berita kesihatan yang jujur dan bertanggungjawab tanpa mereka sedari mereka sebenarnya mengamalkan Etika Kewartawanan Malaysia. Jelas sekali, penerapan nilai-nilai Islam dan etika kerja Islam dipraktikkan dalam tugas kewartawanan (Steele, 2019). Justeru, ini menguatkan lagi hujah bahawa komponen sivik mendasari setiap perilaku, etika dan tatasusila wartawan berita kesihatan di Malaysia.

Selain itu, kewartawanan berorientasikan sivik ini juga turut dilihat dalam proses produksi berita kesihatan iaitu dalam konteks pemberitaan rakyat, kaedah pelaporan pelbagai sisi dan corak penulisan penceritaan. Kesemua entiti dalam masyarakat, iaitu wartawan, kerajaan, syarikat, masyarakat dan komuniti kesihatan terlibat dalam proses pemberitaan (Emerich et al., 2017):

Kita kena *interview* dorang, masukkan pandangan dorang dalam pemberitaan. Sebab tu perlunya ada *interview on the street*. *On the street mean* apa publik ni cakap. Kita tak nak dorang nak menteri atau kementerian hanya bercakap, kita juga kena dengar apa masyarakat bercakap.

Informan 4

Amat jelas di sini bahawa Informan 4 seringkali menjalankan tinjauan pendapat awam untuk mendapatkan pandangan masyarakat selain daripada maklumat yang diperoleh daripada pihak kementerian. Menurutnya penglibatan komuniti dalam membincangkan isu semasa dalam laporan berita merupakan satu pendekatan yang baik untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat (dari rakyat kepada rakyat). Selain itu, wacana awam atau diskusi awam, merupakan perbualan masyarakat sama ada dalam bentuk sembang kedai kopi mahupun perbincangan di media sosial mengenai sesuatu isu boleh dijadikan bahan berita:

Tengok....dan cara orang bercakap, apa yang orang sedang cakapkan sekarang, kita kena sembang dengan orang, makcik-makcik, makcik-makcik kita. Apa yang dorang tau sebenarnya, apa

yang dorang tidak tahu. Apa *WhatsApp group* tengah *discuss*...pasal apa...kena ambil tau...oh...dorang tak tahu rupanya pasal benda ni...pemerhatian kita lah...kita kena memerhatikan, kena membaca...kena dengar apa orang cakap.

Informan 1

Selain itu, beberapa agensi media telah mengadakan aktiviti bersama masyarakat (public engagement). Contohnya kolaborasi antara New Straits Times (NST) bersama Fitness Asia dalam usaha untuk menangani masalah obesiti. Satu pertandingan seperti ‘Biggest Looser’ telah dijalankan yang mana komuniti sasaran terdiri daripada golongan obesiti. Latihan dan diet intensif telah diberikan kepada peserta pertandingan untuk menurunkan berat badan dalam masa tiga bulan:

NST kita ada pernah buat 3 kali kot ala-ala *Biggest Looser in collaboration with the Fitness Asia*. So, 12 orang peserta lelaki dan wanita yang *obes* dan *overweight* untuk kuruskan badan dalam program ini. Masa tu akak *interview* lah. *Most of them* akan kata macam makan tak jaga sebab sibuk sangat, makan tak jaga tak ada masa nak *exercise*. Akak memang ada *interview*. *You have to register, then you* kena panggil untuk *audition*. Program selama 3 bulan kalau tak silap. *The last time was two years ago*. Dalam masa 3 bulan dorang akan menjalani *intense exercise* dan diet. Ada *dietitian* yang bekerja dengan kita orang. *Weight loss competition one of the programs NST* dengan *community*.

Informan 2

Selain dari NST, pihak Harian Metro dilihat giat melaporkan berita-berita mengenai aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti sumbangan dana, aktiviti amal, sumbangan pelbagai barangan terpakai dalam usaha untuk membantu masyarakat Pasir Gudang yang terkesan dari pencemaran Sungai Kim Kim. Menerusi pelaporan tersebut dapat menyuntik kesedaran dan rasa tanggungjawab khususnya syarikat dan industri yang terlibat dalam insiden pencemaran tersebut:

Macam Sungai Kim Kim tu kan, kan ke dah berulang lagi, ada arahan dari atasan Metro punya *side*, kita buat dan kita akan laporkan sampai kilang ni ambi lsekolah-sekolah ni sebagai Sekolah Angkat, kita ada *target*, kita nak kebajikan sekolah-sekolah ni terjaga.

Informan 6

Selain dari fokus sumber berita yang berorientasikan masyarakat dan komuniti, kesemua informan amat menekankan aspek keseimbangan pelaporan berita kesihatan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, kesemua informan tidak bersetuju dengan kaedah pelaporan berita mengenai isu vaksinasi yang telah dilaporkan menerusi akhbar Sinar Harian bertarikh 27 Jun 2016, bertajuk “Kami Takut Vaksin”, halaman 4:

Oh, bagi saya sebagai wartawan saya tidak akan buat *story* macam ini dan saya rasa *story* ini tidak beretika. Kita tak boleh buat *story* macam ni sebab *you* sebagai wartawan *you* tidak boleh *irresponsible for your writing*. Kalau *you* nak buat *story* macam ni, saya punya *suggestion is* dia buat *story* mak ni, *and then at the next one story* doktor. I, ok, mak dia kata macam ni macam ni, buat *side bar*, doktor pula kata macam-ni macam ni...*so, that* jadi macam *balance reporting*. Kita *as a reader* kita boleh tengok, ada *balance reporting*.

Informan 2

Pandangan tersebut turut disokong oleh Informan 3. Hal ini kerana sesetengah pembaca hanya mengambil sudut negatif sahaja, adalah lebih ideal sekiranya wartawan meletakkan kenyataan seperti “esok kita akan dapatkan pandangan dari pakar ini pulak” (Informan 3) pada bahagian bawah artikel untuk mengelak dari salah faham kerana pelaporan satu sisi sering kali memberi kesan kepada laporan berat sebelah atau bias. Laporan satu sisi berkaitan kesihatan mudah terdedah kepada bahaya dan kemudaratan khalayak pembaca sekiranya laporan tersebut adalah laporan palsu. Penekanan perlu diberikan kepada pelaporan yang komprehensif (report the whole story) atau (report both side of the story), iaitu penekanan kepada pelaporan dari semua sudut atau pelaporan seimbang.

Informan 2 menekankan bahawa pelaporan seimbang adalah penting untuk membetulkan persepsi atau tanggapan negatif kepada pelaporan palsu (false balanced reporting). Pelaporan berita yang memaparkan individu atau organisasi yang mempunyai kredibiliti dan berpengaruh boleh menarik pembaca untuk terus mempercayai berita tersebut walaupun telah dibuktikan ketidaksahihan fakta yang dilaporkan. Pelaporan berita mengenai kesan vaksin terhadap autisme masih lagi dipaparkan di pelbagai medium walaupun telah dibuktikan kajian tersebut adalah palsu. Sebagai contoh:

Yang itu sebenarnya dah terbukti banyak dah pun, yang Dr Andrew...*whatever*...kajian tu kajian yang palsu, sebab dia tak buat

kajian dekat budak-budak pun, kajian tu pun dah ditarik balik, dia pun dah dibuang daripada institusi tu, tapi *people still refer to that* kajian. *That’s why* kalau kita buat kena ada *balance reporting*.

Informan 2

Justeru, dalam konteks pemberitaan kesihatan, pelaporan yang objektif dan penekanan terhadap fakta dan pendapat yang seimbang termasuk mengimbangi fakta-fakta dengan pendapat (balancing facts and opinions), dengan naratif yang kaya, deskripsi, dan hujah yang seimbang amat penting (Lee et al., 2020). Islam juga amat menekankan pelaporan yang seimbang, bersifat sederhana (Wassatiyyah), dan pelaporan yang objektif tanpa memihak kepada satu pihak kerana matlamat utama adalah untuk menjaga kepentingan awam (Hamada, 2016).

Selain kaedah pelaporan seimbang, gaya penceritaan naratif (storytelling) adalah salah satu corak penulisan yang digunakan dalam perencanaan berita kesihatan di Malaysia. Corak penulisan ini biasanya memaparkan isu kemanusiaan (human interest) yang boleh menarik minat pembaca dan khalayak. Sebagai contoh, cerita-cerita inspirasi boleh memberikan motivasi kepada perokok yang berhasrat untuk berhenti merokok. Gaya pelaporan sedemikian dapat menimbulkan keinsafan kepada masyarakat tentang bahaya merokok:

Rasanya dia lebih kepada cerita-cerita inspirasilah...cerita-cerita inspirasi kenapa orang tu berhenti merokok, macam mana dia boleh berhenti merokok. Sebab kalau cerita pasal rokok, nasihat berhenti merokok secara tu memang dah tak boleh.

Informan 6

Dalam konteks kewartawanan berorientasikan sivik, wartawan dan organisasi berita perlu melihat khalayak massa atau pembaca mereka dari aspek ‘kepentingan awam’ dan ‘penyertaan warga dalam penghasilan berita’. Kepentingan awam dalam konteks ini adalah apa yang disukai oleh masyarakat (public interest), iaitu kisah masyarakat contohnya cerita inspirasi, penyakit jarang jumpa, dan kisah komuniti kesihatan seperti perkhidmatan ambulans udara; manakala hasil penulisan dan perkongsian gambar atau video dari kalangan individu adalah penyertaan warga dalam penghasilan berita. Dalam konteks menarik minat pembaca, wartawan perlu memahami khalayak massa dari segi gaya hidup, tingkah laku dan cita rasa pembaca agar corak penulisan dan medium yang digunakan dapat diterima. Pemberitaan digital dalam talian kini telah mengatasi pemberitaan konvensional. Justeru, wartawan kini perlu lebih kreatif dan menguasai secara optima medium pemberitaan digital untuk melengkapkan pemberitaan tradisional dalam persembahan berita kesihatan yang lebih interaktif

menerusi portal berita dalam talian, dan media sosial seperti *Blog, Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya (Olausson, 2018).

Cuma sekarang ni kena lebih effort, lebih usaha untuk mempersembahkan ilmu tu dalam bentuk yang seperti yang orang nak, ikut kehendak sekarang, digital, video dengan slaid ke apa benda. Sekarang ni, dekat *page* akak pun, dekat unit kita, apa... untuk senam, bersenam tu memang ada *step by step* dan kita video kan supaya orang tahulah macam mana, orang ni selalu cakap takkanlah baju kurung ni nak kena bersenam...kan, padahal boleh je. Dulu kita tulis panjang-panjang orang tak nak baca, sekarang kita video kan.

Informan 6

....., macam saya sendiri, ambil inisiatif, *create* satu FB...ah...*under* sendirilah, tapi biasanya kalau ada masa, macam hari ni, sepatutnya ada satu nak keluar, tapi tak sempat nak *update* kat FB. *So, post* kat FB Sinar sendiri. Kita rasa *story* yang macam orang memang nak tahukan, tu biasa kita *post*, kita *viral*.

Informan 3

Menerusi pemberitaan digital, hubungan timbal-balik antara wartawan, organisasi media dan masyarakat dapat dibentuk menerusi interaksi digital. Kini hampir semua organisasi berita mempunyai portal berita dalam talian yang dilengkapi dengan aplikasi media sosial untuk berhubung dengan masyarakat. Contohnya Metro TV menyalurkan berita-berita terkini menerusi rakaman video yang dimuat naik menerusi portal beritanya. Masyarakat juga boleh menyalurkan berita, berkongsi video dan foto menerusi medium tersebut. Selain itu, Sinar Harian menerusi Video Sinar begitu giat menyiarkan pelbagai program yang melibatkan hampir keseluruhan komponen masyarakat, antaranya program wacana berbentuk forum dan bual bicara yang disiarkan secara langsung menerusi portal beritanya untuk membincangkan isu-isu semasa sama ada isu politik, ekonomi, sosial, agama dan kesihatan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian rintis ini telah memperlihatkan satu konsep pemberitaan baharu dalam kalangan wartawan berita kesihatan, iaitu kewartawanan berorientasikan sivik. Menerusi hasil temu bual yang dijalankan didapati komponen kewartawanan berorientasikan sivik mendasari komponen-komponen lain yang terlibat dalam pembangunan berita kesihatan, seperti norma dan profesionalisme kewartawanan, proses penghasilan berita, sumber berita, budaya dan sosial, gaya

pelaporan dan corak penulisan. Selain itu, penerapan nilai-nilai Islam dilihat mendasari etika kerja wartawan berita kesihatan di Malaysia sehingga berupaya untuk menghasilkan sebuah pemberitaan kesihatan yang seimbang dan komprehensif. Peranan tradisional wartawan sebelum ini sebagai pemerhati (watchdog) atau orang yang terlibat dalam penentuan agenda (agenda setting) kini mula berubah kepada orang yang mencetuskan pendidikan awam, perdebatan dan diskusi awam. Pemegang taruh dan pemilik media tidak lagi mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan berita tetapi perlu mengambil kira agenda khalayak massa. Persefahaman, komitmen dan kerjasama pro-aktif di antara wartawan, pihak kerajaan, syarikat, masyarakat dan komuniti kesihatan perlu dibentuk dalam proses pembinaan berita kesihatan. Persefahaman dari segi maklumat kesihatan, norma profesional mereka, proses dan prosedur institusi dan kekangan yang mungkin kedua-dua entiti ini hadapi dalam aspek liputan berita kesihatan perlu difahami bersama (Hodgetts et al., 2008). Hubungan yang baik dan persepakatan yang dipupuk akhirnya akan membawa kepada objektif dan matlamat yang sama iaitu meningkatkan literasi kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Justeru, kajian ini berhujah bahawa amalan kewartawanan berorientasikan sivik perlu diperkukuhkan dalam perencanaan membangunkan literasi kesihatan dalam masyarakat di negara ini.

RUJUKAN

- Ali, A. (1989). The role of the media in promoting family and health care. In Seminar on Media and Child Family Health: Singapore. *Asian Mass Communication Research & Information Centre* (February 20-22, 1989). Retrieved from <http://hdl.handle.net/10220/593>
- Amend, E., & Secko, D. M. (2012). In the face of critique: A metasynthesis of the experiences of journalists covering health and science. *Science Communication, 34*(2), 241-282. doi:10.1177/1075547011409952
- Carpenter, D. M., Geryk, L. L., Chen, A. T., Nagler, R. H., Dieckmann, N. F., & Han, P. K. (2016). Conflicting health information: a critical research need. *Health Expectations, 19*(6), 1173-1182.
- Chang, C. (2015). Inaccuracy in health research news: A typology and predictions of scientists' perceptions of the accuracy of research news. *Journal of Health Communication, 20*(2), 177-186.
- Chirico, F. (2017). Vaccinations and media: An on-going challenge for policy makers. *Journal of Health and Social Sciences, 2*(1), 9-18.
- Chuen, E. M., Michael, E., & Teck, T. B. (2016). The role of media socialization agents in increasing obesity health literacy among Malaysian Youth. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 32*(2), 691-714.
- Emerich, T. B., Cavaca, A. G., Santos-Neto, E. T., Gentilli, V. I., & Oliveira, A. E. (2017). Media Valuations of health journalism and health dynamics in brazilian printed media. *Int'l J. Soc. Sci. Stud., 5*, 31, 31-42.

- Hamada, B. I. (2016). Towards a global journalism ethics model: An Islamic perspective. *The Journal of International Communication*, 22(2), 188-208.
- Hamid, S. A. (2019). Anti Vaksin: Apakah Natijahnya Kepada Masyarakat? *e-BANGI*, 16(2).
- Hasim, M. S., & Merican, A. M. (2018). The Formation of a Media Council: The Experience of Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 18, 63-78.
- Hellmueller, L., Mellado, C., Blumell, L., & Huemmer, J. (2016). The contextualization of the watchdog and civic journalistic roles: Reevaluating journalistic role performance in US newspapers. *Palabra clave*, 19(4), 1072-1100.
- Hodgetts, D., Chamberlain, K., Scammell, M., Karapu, R., & Waimarie Nikora, L. (2008). Constructing health news: possibilities for a civic-oriented journalism. *Health*, 12(1), 43-66.
- Holland, K. (2018). Lay theories and criticisms of mental health news: elaborating the concept of biocommunicability. *Disability & Society*, 33(8), 1327-1348.
- Hoo, Q. C., Yeing, L. S., & Chai, G. E. (2010a). Ethics Code Awareness, Usefulness and Professionalism of Malaysian Journalists. *Journal of Law and Governance*, 5(2), 31-42.
- Hoo, Q. C., Yeing, L. S., & Chai, G. E. (2010b). Ethics code awareness, usefulness, and professionalism of Malaysian journalists. *Journal of Business Systems, Governance and Ethics*, 5(2), 31-42.
- Ibrahim, F., Ab Ghani, M., & Hashim, M. (2000). Falsafah Etika Kewartawanan di Malaysia. *Etika Kewartawanan*, Edisi ke-2, Subang Jaya, E.A.R Publisher. 1-33.
- Ibrahim, F., Mustaffa, N., & Chang, P. (2010). *Framing a Pandemic: Analysis of Malaysian Mainstream Newspapers in the H1N1 Coverage*. Paper presented at the International Communication.
- Ibrahim, M. (2009). Wartawan Islam adalah seorang pendidik, pendakwah dan pemimpin. *Mstar Online*. Retrieved from www.mstar.com.my
- Institut Akhbar Malaysia, M. (2011). Kod Etika Kewartawanan Malaysia. Kuala Lumpur, Media Global Matrix Sdn Bhd dan Malaysia Press Institute.
- Ismail, A. (2013). *Exploring the Strengths and Limitations Of Development Journalism in Malaysia* (Doctoral Dissertation). University of Adelaide, Australia.
- Jamri, M. H., Ismail, N., Ahmad, J., & Singh, D. (2017). Kempen kesedaran kesihatan awam: Satu tinjauan literatur dari sudut penggunaan media dan komunikasi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 1-20.

- Jang, S. M., Mckeever, B. W., Mckeever, R., & Kim, J. K. (2019). From social media to mainstream news: The information flow of the vaccine-autism controversy in the US, Canada, and the UK. *Health Communication, 34*(1), 110-117.
- Ketua Pengarah Kesihatan, K. K. M. (2016). Tohmahan Kononnya "Microcephaly" di Brazil disebabkan oleh vaksinasi dan gesaan jangan mengambil sebarang suntikan vaksin. Retrieved from <https://kpkkesihatan.com>
- Kininmonth, A. R., Jamil, N., Almatrouk, N., & Evans, C. E. (2017). Quality assessment of nutrition coverage in the media: a 6-week survey of five popular UK newspapers. *BMJ open, 7*(12), e014633.
- Kurpius, D. D. (2002). Sources and civic journalism: Changing patterns of reporting? *Journalism & Mass Communication Quarterly, 79*(4), 853-866.
- Lee, K. T., Othman, S. S., & Nayan, L. M. (2020). Model Kewartawanan yang Ideal untuk Konteks Malaysia–Mengimbangi Ilmu Kewartawanan Barat dengan Kewartawanan Islam. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB), 8*, 38-53.
- Mann, B. W. (2018). Autism narratives in media coverage of the MMR vaccine-autism controversy under a crip futurism framework. *Health Communication, 34*(9), 984-990.
- Metro, H. (2017). Bayi Tertelan Kerongsang Ibu. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/utama/2017/07/245645/tertelan-pin-tudung>
- Muchtar, N., Hamada, B. I., Hanitzsch, T., Galal, A., Masduki, & Ullah, M. S. (2017). Journalism and the Islamic worldview: Journalistic roles in Muslim-majority countries. *Journalism Studies, 18*(5), 555-575.
- Olausson, U. (2018). The celebrated journalist: journalistic self-promotion and branding in celebrity constructions on Twitter. *Journalism Studies, 19*(16), 2379-2399.
- Oransky, I. (2020). Will improvements in health journalism improve health literacy? *Information Services & Use*(Preprint), Pre-Press, 1-14.
- Razali, Z. A., Sanip, S., & Sa'ad, R. a. A. (2018). Mental Illness Potrayal In Media: A Summative Content Analysis of Malaysian Newspapers. *International Journal of Business & Society, 19*, 324-331.
- Rofie, M. K. H., Zan, Z. M., Hamzah, M. H., Ngah, K., & Ahmad, S. (2016). Pelaksanaan etika kerja Islam: persepsi masyarakat terhadap kewartawanan Islam media arus perdana dan alternatif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 32*(2), 29-41.
- Saad, M. Z. M., Mustafa, N., Ahmad, A. L., & Hassan, B. R. A. (2016). Transformasi Corak Penulisan Berita Dalam Akhbar Arus Perdana Malaysia (Transformation of News Writing Patterns in Malaysia Mainstream Newspapers). *e-BANGI, 13*(1), 300-316.
- Sannusi, S. N., & Siarap, K. (2014). Peranan Perhubungan Awam dan Komunikasi Krisis: Kajian Terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Penanganan Wabak SARS (The role of public relations and communication crisis: a study

- on handling of SARS outbreak by ministry of health Malaysia). *e-BANGI*, 11(2), 125-134.
- Sedu, N., & Diah, N. M. (2018). The Coverage of Dengue and Zika in Selected Malaysian Newspapers: An Analysis of Berita Harian, Utusan Malaysia and The Star *Human Sustainability Procedia*.
- Sern, T. J., & Zanuddin, H. (2012). Coverage of HIV/AIDS in Malaysia: a case study of the star. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 28(1), 151-169.
- Steele, J. (2019). Journalism and Islam in The Malay Archipelago: Five Approaches. *Konfrontasi: Jurnal Kultural, Ekonomi Dan Perubahan Sosial*, 6(1), 42-59.
- Sualman, I., & Aziz, A. A. (2012). A content Analysis of news on h1n1 Influenza in Selected Newspapers in Malaysia. *Journal of Administrative Science Vol*, 9(2), 117-142.
- Tajuddin, S. N. A. A., & Ali, R. (2020). The Risks and Challenges for Professional Journalism in the Digital Age: A Malaysian Perspective. In *Handbook of Research on Combating Threats to Media Freedom and Journalist Safety* (pp. 106-123): IGI Global.
- Tully, M., Harmsen, S., Singer, J. B., & Ekdale, B. (2017). Case study shows disconnect on civic journalism's role. *Newspaper Research Journal*, 38(4), 484-496.
- Voakes, P. S. (1999). Civic duties: Newspaper journalists' views on public journalism. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 76(4), 756-774.
- You, Y. X., Abd Rahim, A. A., Talib, D. A., Hamzaid, N. H., & Manaf, Z. A. (2019). A Qualitative Study on Feeding Practices Among Caregivers of Malay Children and Adolescents with Autism. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia (Malaysian Journal of Health Sciences)*, 17(2), 25-34.
- Zakaria, S. M., & Tauhaid, N. S. M. (2018). Cabaran Membesarkan Anak-Anak Autisme Daripada Perspektif Ibu (The Challenges Of Nurturing Autistic Children From The Mother's Perspective). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(1), 58-71.